

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Pengambilan Radiograf

No. Dokumen: AK/PP/04

No. Pindaan: 1

Tarikh Berkuatkuasa: 1.7.2011

### **1.0 Mengambil Sinar-X**

- 1.1 Tentukan kedudukan pesakit di atas kerusi, letakkan pada kedudukan yang sesuai.
- 1.2 Menempatkan paket filem dengan betul didalam mulut pesakit.
- 1.3 Arahkan kedudukan tiub sinar-X pada posisi yang sesuai dan menentukan set masa dedahan yang betul mengikut jenis filem, gigi, rahang dan umur bagi mendapatkan imej yang sesuai dan tepat.

### **2.0 Memproses Filem Sinar-x**

#### **2.1 Secara Monobath**

- 2.1.1 Keluarkan larutan pencucian menggunakan picagari mengikut sukatan seperti arahan pengeluar. Masukkan jarum hipodermik pada penghujung paket filem. Suntikkan secara perlahan larutan tersebut ke dalam paket filem.
- 2.1.2 Cuci filem mengikut teknik dan masa yang ditetapkan oleh pengeluar.
- 2.1.3 Buka paket filem dan buang developer kemudian keluarkan filem.
- 2.1.4 Rendamkan filem ke dalam larutan hardening selama satu minit, kemudian bilas filem dengan air paip yang bersih.
- 2.1.5 Keringkan radiograf yang siap dan serahkan kepada PP.

#### **2.2 Secara Manual**

- 2.2.1 Masukkan paket filem ke dalam unit pemrosesan filem sinar-X.
- 2.2.2 Keluarkan filem dari paket dan klipkan kepada pemegang filem.

## **Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia**

Tajuk Dokumen : Pengambilan Radiograf

No. Dokumen: AK/PP/04

No. Pindaan: 1

Tarikh Berkuatkuasa: 1.7.2011

- 2.2.3 Rendam kesemua bahagian filem ke dalam bekas larutan pencucian selama 30-60 saat atau mengikut arahan pengeluar dengan memastikan keseluruhan filem terkena larutan pencucian tersebut.
- 2.2.4 Keluarkan filem dari bahan larutan pencucian, kemudian masukkan filem ke dalam bekas berisi air serta dibilas selama 30 saat atau mengikut arahan pengeluar.
- 2.2.5 Rendam filem ke dalam bekas berisi larutan pengekal selama 1-2 minit atau mengikut arahan pengeluar.
- 2.2.6 Keluarkan filem dari larutan pengekal dan membilasnya di dalam bekas berisi air selama 30 saat atau mengikut arahan pengeluar.
- 2.2.7 Keringkan radiograf terlebih dahulu sebelum menyerahkan kepada PP.

Disediakan oleh: Noor Aswadi b. Ismail; t/t:

Disemak oleh 1:Dr.Adilatul Hasanah Musa; t/t:

Disemak oleh 2: Dr.Ahmad Termizi Zamzuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr Hasenah bt Mod Zaki, Pengarah; t/t: